

25/05/2001

Rawatan Anwar: Tiga wakil pembangkang temui PM

PUTRAJAYA, Khamis - Tiga wakil parti pembangkang yang diketuai Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor hari ini menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membincangkan rawatan sakit tulang belakang Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pertemuan kira-kira 50 minit itu diadakan di Pejabat Perdana Menteri, di sini.

Dua lagi wakil pembangkang yang hadir ialah Naib Pengerusi DAP, Dr Tan Seng Giaw dan ahli Majlis Tertinggi Parti Keadilan Nasional, Abdul Rahman Yusof.

Ketika ditemui pemberita selepas itu, Fadzil berkata, Dr Mahathir memberitahu mereka keputusan kerajaan adalah muktamad iaitu Anwar tidak dibenarkan membuat pembedahan di luar negara.

"Dr Mahathir bagaimanapun menyatakan bahawa Anwar boleh memilih mana-mana pusat rawatan untuk pembedahannya di dalam negara dan beliau yakin pembedahan itu boleh dilakukan dalam negara," kata Fadzil.

Sementara itu, tengah hari ini Fadzil menyerahkan memorandum mengenai kesihatan Anwar kepada Naib Presiden Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam), Tan Sri Harun Mahmud Hashim.

Turut hadir pada majlis itu ialah, Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalannya, Dr Chandra Muzaffar; Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr Syed Husin Ali; Pengerusi Tenaganita yang juga ahli jawatankuasa Majlis Pimpinan Tertinggi Keadilan (MPT), Irene Fernandez dan Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok.

(END)